



KELANTAN NAIKKAN ELAUN PENARIK BECA, RAKYAT BERTERIMA KASIH

**PENGELUARAN KERETA ELEKTRIK
LANGKAH TEPAT KURANGKAN
RISIKO PENCEMARAN ALAM SEKITAR**

**KELANTAN KOMITED URUS SISA
PEPEJAL, TAPAK PELUPUSAN
SAMPAH KETIGA DIBUKA**

**PENERIMA PPR GUAL IPOH
DISERU HARGAI KEMUDAHAN,
JAGA KEHARMONIAN KOMUNITI**

MUFTI KEMBOJA HARGAI JASA KELANTAN PERKASAKAN ISLAM DI NEGARA MINORITI MUSLIM

Oleh: Norzana Razaly

PHNOM PENH, 20 Januari—“Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Kelantan berjasa besar dalam memartabatkan perkembangan Islam di Kemboja.”

Demikian penghargaan tulus ikhlas yang disampaikan Mufti Kerajaan Kemboja Sahibus Samahah Neak Okhna SOS Kamry Kamaruddin Yusof ketika menutup lawatan kerja delegasi Kelantan ke bumi minoriti Muslim itu, semalam.

Menurutnya, sejak silibus pendidikan Islam YIK mula digunakan pada tahun 2001, impaknya sangat besar dalam memacu perkembangan Islam di negara yang majoriti penduduknya beragama Buddha.

“Di Phnom Penh, yang memiliki kepadatan penduduk lebih dua juta orang, perkembangan Islam terus harmoni, hidup bersama masyarakat beragama Buddha,” katanya.



Tambah beliau, peranan 13 buah masjid di sekitar bandaraya tersebut terus diperkasakan, sebahagian besar diketuai oleh imam dan asatizah yang mendapat pendidikan dan tarbiah dari Kelantan, negeri yang terkenal sebagai Serambi Mekah.

Dalam pertemuan itu juga, Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud turut menyatakan keyakinan terhadap pelan strategik dan kerjasama

pendidikan yang digerakkan oleh YIK bersama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN).

Memetik kenyataan daripada laman sosialnya, Dato’ Mohd Nassuruddin berkata kerjasama pintar tersebut akan dimanfaatkan sepenuhnya demi memastikan perkembangan Islam di Kemboja terus subur dan kukuh.

“Hubungan erat ini melambangkan semangat persaudaraan Islam



Hubungan erat ini melambangkan semangat persaudaraan Islam yang tinggi antara dua wilayah.”

yang tinggi antara dua wilayah,” catatnya.

Beliau yang mengetuai delegasi Kelantan ke Kemboja bermula Khamis hingga Ahad, turut mengadakan beberapa pertemuan dengan masyarakat Islam tempatan di sana.

Beliau juga menyampaikan taujihat tentang pentingnya ilmu dan hubungan dengan Allah SWT, serta mengukuhkan kerjasama pendidikan bagi memperluaskan manfaat dakwah di Kemboja.



PENGELUARAN KERETA ELEKTRIK LANGKAH TEPAT KURANGKAN RISIKO PENCEMARAN ALAM SEKITAR

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 22 Januari-Langkah Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) memperkenalkan kereta elektrik “electric vehicle” (EV) merupakan tindakan tepat dalam usaha mengurangkan risiko pencemaran alam sekitar akibat penggunaan bahan api seperti petrol dan diesel, kata Speaker Dewan Negeri Kelantan, YB Dato’ Sri Amar D’Raja, Dr. Mohd Amar Abdullah.

Menurutnya, inisiatif proton memperkenalkan kereta elektrik (EV) tersebut sebenarnya amat diperlukan dalam dunia moden hari ini.

“Kalau kita lihat, dunia hari ini menghadapi masalah pencemaran alam sekitar disebabkan oleh asap, pembuangan sisa plastik dan sebagainya.

“Jadi hari ini apabila syarikat Proton mengeluarkan kereta elektrik, ia merupakan salah satu cara untuk mengatasi masalah pencemaran udara yang memberi kesan besar kepada alam sekitar.”

Beliau berkata demikian ketika merasmikan ruang pameran kereta elektrik E-MAS7 di JM Otomobil Sdn Bhd, Wakaf Siku, Kota Bharu pada Selasa.

Dato’ Mohd Amar berharap, kereta elektrik itu berkembang pe-



sat bagi menyelesaikan isu pencemaran alam sekitar yang dihasilkan oleh minyak diesel dan petrol.

“Kalau kereta elektrik ini berjaya, mungkin suatu masa nanti tidak akan berbangkit lagi isu pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh asap dan sebagainya,” katanya dalam sidang media selepas majlis perasmian.

Mengulas mengenai penerimaan pengguna terhadap kereta elektrik berkenaan, beliau yakin bahawa kereta tersebut akan mendapat sambutan pada masa akan datang, walaupun pada peringkat awal mungkin akan timbul keraguan dan tanda tanya dalam kalangan pengguna.

“Sama seperti kereta automatik pada suatu masa dahulu, apabila ia baharu diperkenalkan ada yang

ragu-ragu dan tertanya-tanya kerana ia baharu dikeluarkan. Tapi hari ini, kereta automatik sudah boleh diterima oleh masyarakat dan jarang kita boleh lihat orang menggunakan kereta manual.

“Begitu juga dengan kereta elektrik ini, saya berharap rakyat lebih terbuka untuk menerima kehadirannya.

“Mungkin di peringkat awal ada isu seperti kereta automatik kerana ia baru timbul, tapi sekarang alhamdulillah hampir semua orang guna kereta automatik.

“Jadi kita berharap kereta elektrik pun boleh diterima pada suatu masa nanti dan sudah tidak ada lagi kereta yang menggunakan petrol dan diesel pada masa itu,” ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Ketua

Pegawai Eksekutif Proton Roslan Abdullah pula berkata, tempahan terhadap kereta elektrik melebihi sasaran sejak ia dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Dato’ Sri Anwar Ibrahim, pada 16 Disember lalu.

“Pada awalnya syarikat menasaskan tempahan sebanyak 3000 unit sahaja bagi tempoh enam bulan selepas dilancarkan, namun permintaan melebihi sasaran. Malah ia dicapai dalam masa kurang daripada satu bulan.

“Dari segi keselamatan pula, kereta elektrik ini adalah yang terbaik dan mendapat markah tertinggi di ASEAN New Car Assessment Program (ASEAN NCAP).

“Kereta ini juga mempunyai tempat duduk yang selesa dan tempat letak barang yang luas,” jelasnya.

Kereta elektrik Proton E-MAS7 dikeluarkan dalam dua variasi iaitu prima dengan harga permulaan RM109,800 dan premium dengan harga permulaan RM123,800.

Hadir sama dalam majlis perasmian tersebut ialah Ketua Bahagian Perlesenan dan Pendaftaran Kereta Motor Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Mohd Azmi Daud dan Pemilik JM Otomobil Sdn Bhd, Mejar (B) Basri Mat dan Shereena Ismail.



KELANTAN KOMITED URUS SISA PEPEJAL, TAPAK PELUPUSAN SAMPAH KETIGA DIBUKA

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 21 Januari – Kelantan komited memperkukuh keupayaannya dalam menangani cabaran pelupusan sisa pepejal secara sistematik, mampan dan mesra alam, sejajar dengan aspirasi negeri ke arah pembangunan lestari.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata Tapak Sampah (TP) Kok Bedollah di Pengkalan Nangka, Tumpat ialah pusat pelupusan sisa pepejal ketiga yang diuruskan oleh Pengurusan Sisa Pepejal Mubaarakan Sdn. Bhd. (PSPM) melalui usahasama dengan Greenviro Solution Sdn. Bhd. (GSSB).

Beliau yang juga Pengerusi PSPM menjelaskan bahawa GSSB merupakan syarikat yang berpengalaman dalam pengurusan tapak pelupusan di Malaysia dan Brunei manakala PSPM ialah syarikat bersekutu Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd. (KUM).

“PSPM bertanggungjawab



mengurus tapak pelupusan terbesar di Kelantan merangkumi Tapak Pelupusan Beris Lalang (TPBL) yang diguna sama oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu- Bandaraya Islam (MPKB-BRI), Majlis Daerah Bachok (MDB), Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) dan Majlis Daerah Ketereh (MDK). Secara puratanya penerimaan sisa pepejal harian di TPBL ialah sebanyak 350 tan sehari.

“Sebuah lagi ialah tapak pelupusan Bukit Che Ros, Tanah Merah yang menerima sampah daripada Majlis Daerah Tanah Merah dan Majlis Daerah Machang,” katanya selepas menyaksikan Majlis

Menandatangani Perjanjian Pengurusan TP Kok Bedollah di antara KUM, MDT dan PSPM di sebuah hotel, hari ini.

Perjanjian tersebut dimeterai oleh Pengurus Besar KUM Dr Mohd Roshdi Hassan dengan Yang Dipertua MDT Wan Ahmad Suwaidi Zainal Abidin. Turut hadir menyaksikannya, Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi PSPM Amir Asri Abdul Salam memaklumkan bahawa pihaknya cuba memanjangkan hayat TP Kok Bedollah agar pihak MDT

tidak perlu mencari tapak pelupusan lain untuk menerima 82 tan sampah sehari yang datang dari jajahan Tumpat sahaja tidak termasuk musim perayaan dan pasca banjir.

“Perjanjian kita dengan MDT ialah 21 tahun dan diperbaharui setiap 5 tahun. Kita cuba untuk mengelakkan MDT membuka tapak baharu kerana kosnya tinggi. Kita juga sedaya upaya berusaha mengurangkan sisa pepejal yang ada untuk mewujudkan persekitaran yang mesra alam. Pada musim banjir Disember 2024, kita menerima 300 tan sehari sampah pasca banjir selama 20 hari,” jelasnya.



MACHANG BERPOTENSI JADI HAB PEMBIAKAN BAKA KUDA BERKUALITI TINGGI



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 19 Januari – Industri penternakan kuda di Kelantan terus berkembang pesat dengan Machang kini berpotensi menjadi hab pembiakan baka kuda berkualiti tinggi, berikutan sokongan kerajaan negeri dan minat pelabur swasta terhadap sektor ini.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata Kelantan semakin dikenali

sebagai pusat penting dalam industri berkuda, terutama dengan pelbagai aktiviti berkaitan kuda yang menarik minat peminat sukan dan rekreasi berkuda.

“Pelbagai aktiviti seperti menunggang, latihan, dan pameran kuda yang diadakan bukan sahaja menarik perhatian ramai, tetapi turut membuka peluang ekonomi baharu, terutama dalam sektor agro pelancongan,” katanya menerusi catatan di media sosial, pada Jumaat.

Terdahulu, beliau bersama Ahli Dewan Negeri Kemuning YB Zakhran Mat Noor dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan Yahasmida Yacob mengadakan lawatan kerja ke SubDepo Arabian Park di Machang untuk meninjau potensi kawasan tersebut sebagai pusat pembiakan kuda.

Menurut Dato’ Tuan Mohd Saripudin, SubDepo Arabian Park

kini menempatkan sekitar 40 ekor kuda dari baka berkualiti tinggi.

“Saya amat bangga dengan usaha masyarakat tempatan, khususnya di Machang, yang berjaya membangunkan pusat pembiakan kuda berkualiti.

“Diharapkan Kelantan, dengan kehebatan penternaknya akan terus dikenali sebagai pengeluar kuda berkualiti tinggi dan menjadi rujukan dalam industri ini,” ujarnya.



PENERIMA PPR GUAL IPOH DISERU HARGAI KEMUDAHAN, JAGA KEHARMONIAN KOMUNITI

Oleh: Norzana Razaly

TANAH MERAH, 22 Januari – Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kelantan YB Hilmi Abdullah menasihati 104 penerima Fasa 1 Perumahan Rakyat (PPR) Gual Ipoh agar menghargai pemberian rumah tersebut dengan membayar sewa bulanan secara teratur.

“Binalah komuniti kejiranan yang harmoni. Setiap penghuni perlu memastikan kebersihan dan keceriaan kawasan PPR ini sentiasa terjaga agar semua dapat hidup dengan sejahtera,” pesannya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran PPR Gual Ipoh, di sini, pada Isnin.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Datuk Aiman Athirah Sabu. Turut hadir, Ahli Dewan Negeri Gual Ipoh, YB Bahari Mohamad Nor.

Menurut YB Hilmi, projek PPR Gual Ipoh yang melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM80 juta



telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dan siap sepenuhnya pada 14 April 2021.

“Projek ini melibatkan pembinaan 400 unit rumah kluster setingkat, termasuk empat unit yang direka khas bagi memenuhi keperluan golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Selain itu, PPR ini

turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur seperti surau, tadika, dan lima unit gerai,” jelasnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa cabutan undi dan penyerahan kunci unit rumah dijadualkan berlangsung pada 13 Februari 2025. Sewaan skim Rent-to-Own (RTO) pula akan bermula pada 1 Mac



2025.

“PPR Gual Ipoh yang dibangunkan di atas tanah seluas 15.47 hektar itu merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memastikan rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah, dapat memiliki kediaman yang selesa dan mampu milik,” jelasnya, ketika dihubungi, hari ini.

BELIA DIPELAWA SERTA LATIHAN INTENSIF SULAM KELINGKAN DAN SONGKET, ELAUN DIBERI



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 19 JANUARI – Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kelantan, YB Rohani Ibrahim mempelawa beliawanis Kelantan untuk menyertai program Latihan Intensif Sulam Kelingkan dan Songket 2025/2026 anjuran Urus setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) dengan kerjasama Pertubuhan Kraf Malaysia atau Malaysian Craft Council (MCC).

Menurut YB Rohani, peserta dikehendaki menjalani latihan premium selama tiga bulan di bawah bimbingan pakar sulaman dan

tenunan songket dengan ganjaran elaun latihan sepanjang tempoh program.

Katanya, sulam kelingkan ialah seni sulaman tradisional Melayu yang menggunakan benang logam seperti emas atau perak, terkenal dengan coraknya yang halus dan mewah.

“Ia sering menghiasi pakaian tradisional seperti baju kurung, kebaya, dan selendang. Menariknya, seni ini kini hanya diusahakan di Kelantan dan Sarawak, dengan motif corak bunga yang berbeza mengikut identiti negeri masing-masing,” ujarnya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau turut menjelaskan bahawa program yang bertujuan memperkasakan seni warisan tradisional Melayu melalui latihan intensif bersama pakar industri tersebut turut menyediakan Sijil Pengiktirafan Eksklusif untuk peserta yang berjaya dan berpeluang menghasilkan produk tradisional bernilai

tinggi.

Peserta terhad kepada 20 pelajar sahaja untuk latihan Sulam Kelingkan yang bermula pada Mei hingga Ogos 2025. Manakala kelas songket bermula pada Januari hingga April 2026 yang juga terhad kepada 20 peserta.

“Kita yakin para belia Kelantan teruja mahu mempelajari seni tradisional Sulam Kelingkan dan Songket di PLWOA (Pusat Latihan Wanita, OKU dan Armalah) Kota Bharu untuk mencipta masa depan yang lebih cerah dalam bidang kesenian tekstil. Jadi kerajaan negeri melalui U-KeKWa ambil inisiatif berkerjasama dengan MCC.

“Oleh itu, kita harap para peserta dapat menyelesaikan program menarik ini bagi melayakkan mereka menerima sijil. Kejayaan mereka memberi komitmen penuh akan menghindari mereka daripada dikenakan penalti,” katanya.

Belia dan beliawanis Kelantan berumur 18 tahun ke atas khasnya

alumni kelas jahitan atau sulaman PPWK atau individu yang mempunyai asas kemahiran menjahit atau menyulam, sihat tubuh badan, aktif serta berkomitmen tinggi dan sedia memberikan usaha sepenuhnya, dialu-alu mendaftar segera melalui pautan berikut <https://forms.gle/xVNLmNdtMZV5o36i9>

Sebarang pertanyaan boleh diajukan melalui <https://wasap.my/60139845917/PendaftaranTekstil>

سَوِّغِيَّتْ دَانْ كَلِيڠْڠَنْ
ProjeK Latihan Intensif Songket & Kelingkan 2025/2026

PENYERTAAN
 • Kategori: Perempuan
 • Kuantiti: 20 orang
 • Hali: 19 Ogos 2025
 • 10 orang peserta
 • Tarikh: 1 Januari - Mac 2026

KATEGORI PESERTA
 • Kategori: Perempuan
 • Kuantiti: 20 orang
 • Hali: 19 Ogos 2025
 • 10 orang peserta
 • Tarikh: 1 Januari - Mac 2026

TERBUKA KEPADA
 40 Orang Alumni
 Jabatan Kebajikan, OKU dan Armalah (PLWOA)
 Kota Bharu, Kelantan

TEMPAT
 Pusat Latihan Wanita, OKU dan Armalah (PLWOA)
 Kota Bharu, Kelantan

MAKLUMAT LANJUT: Hotline | 013-9845917

Kriteria Peserta
 1. Mempunyai minat yang tinggi terhadap seni sulam kelingkan dan songket.
 2. Mempunyai pengalaman dalam sulam kelingkan dan songket.
 3. Mempunyai komitmen yang tinggi untuk mengikuti latihan intensif.
 4. Mempunyai kemampuan untuk bekerja dalam pasukan.
 5. Mempunyai kemampuan untuk menghasilkan produk sulam kelingkan dan songket.

Penalti
 1. Peserta yang gagal menghadiri latihan intensif akan dikenakan penalti.
 2. Peserta yang gagal menghadiri latihan intensif akan dikenakan penalti.
 3. Peserta yang gagal menghadiri latihan intensif akan dikenakan penalti.

Kesimpulan
 Sijil diberikan kepada 3 bulan

KELANTAN NAIKKAN ELAUN PENARIK BECA, RAKYAT BERTERIMA KASIH

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 21 Januari – Kerajaan Negeri Kelantan terus menunjukkan keprihatinannya terhadap kebajikan rakyat dengan mengumumkan kenaikan elaun penarik beca daripada RM100 kepada RM500 sebulan bermula tahun ini.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata inisiatif tersebut adalah tanda kesungguhan kerajaan negeri dalam menjaga kebajikan rakyat, khususnya golongan penarik beca yang menjadi ikon warisan dan pelancongan negeri.

“Mulai tahun 2025, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk menambah elaun penarik beca daripada RM100 kepada RM500 setiap bulan. Jika sebelum ini kita memberikan sumbangan sebagai tanda ingatan, kini jumlahnya ditingkatkan bagi membantu meringkankan kos sara hidup mereka,” katanya ketika berucap di Majlis Penyampaian Bantuan kepada



Penarik Beca di Dewan Terbuka, Kediaman Rasmi Menteri Besar, JKR10, di sini, hari ini.

Beliau turut mengimbas usaha kerajaan negeri terdahulu di bawah kepimpinan Almarhum Tok Guru Nik Abdul Aziz, termasuk Tabung Belia Niaga yang memberi peluang kepada anak muda memulakan perniagaan. Beliau juga menyeru penarik beca agar sentiasa bersyukur, menjaga hubungan dengan Allah SWT, dan mendoakan keberkatan untuk keluarga serta kerajaan.

Sementara itu, Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan

Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor, menzahirkan kebimbangan terhadap penurunan bilangan penarik beca, daripada 17 orang pada tahun lalu kepada hanya 15 orang tahun ini.

Beliau turut menekankan pentingnya usaha melestarikan beca sebagai ikon pelancongan negeri.

Penarik beca yang ditemui rata-rata menyatakan rasa syukur dan penghargaan terhadap perhatian kerajaan negeri.

Ismail Bedolah, 76, dari Kete-reh, yang telah mengayuh beca sejak usia 18 tahun, menyambut baik

kenaikan elaun ini. “Alhamdulillah, terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Sumbangan ini sangat membantu untuk menampung perbelanjaan harian dan meringankan beban hidup,” katanya.

Rakan beliau, Che Udi Che Pa, 71, dari Kampung Sungai Bodor, turut meluahkan kegembiraan atas kenaikan elaun tersebut. “Syukur kepada Allah dan terima kasih kepada kerajaan, khususnya Menteri Besar dan Exco. Bantuan ini amat bermakna bagi kami,” katanya.

Pada majlis tersebut, seramai 13 daripada 15 penarik beca yang berdaftar menerima elaun RM500 bersama barangan dapur yang disampaikan oleh Menteri Besar.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Pengurusan) Dato’ Abdul Fattah Hasbullah, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN) Nazwan Ismail, dan Ketua Penolong Setiausaha (Pelancongan) Zaki Ismail.



MENTERI BESAR KELANTAN PELAWA PELAJAR KEMBOJA LANJUTKAN PELAJARAN DI KELANTAN

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 19 Januari – Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud mempelawa pelajar-pelajar dari Kemboja untuk menjadikan Kelantan sebagai destinasi bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Menurut beliau, Kelantan menawarkan peluang pendidikan yang luas melalui sekolah-sekolah harian, Pusat Pengajian Pondok di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK), serta institusi seperti Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

"Pelajar dari Kemboja boleh memilih untuk menyambung pengajian di KIAS sebelum meneruskan ke universiti terkemuka seperti Universiti al-Azhar, Mesir, dan Universiti az-Zitunah, Tunisia.

"Ini adalah peluang terbaik untuk memperkukuh ilmu dan melanjutkan pendidikan Islam," katanya



menerusi catatan di media sosial rasminya, Jumaat lalu.

Dato' Mohd Nassuruddin turut melahirkan rasa bangga apabila sistem pendidikan YIK diterima pakai oleh 45 buah sekolah agama di Kemboja.

Dalam rangka lawatan kerja ke negara itu, beliau sempat bertemu dengan 140 pelajar di Maahad Muhammadiyah Beng Broul.

Dalam sesi tersebut, beliau menyampaikan taujiat kepada pelajar-pelajar dan guru-guru mengenai kepentingan ilmu dalam membina kehidupan, membentuk peradaban,

serta memperkukuhkan hubungan dengan Allah SWT.

Terima kasih atas sambutan hangat yang diberikan kepada rombongan kami. Semoga hubungan erat ini terus kukuh demi kegemilangan Islam di Kemboja," ujarnya.

Tambahnya, perkembangan Islam di Kemboja semakin pesat, banyak didorong oleh penglibatan pendakwah dari Kelantan.

"Ramai imam dan guru di sini menerima pendidikan Islam di Kelantan. Saya amat teruja apabila disapa dengan loghat Kelantan oleh



beberapa jemaah," katanya.

Untuk rekod, Kerajaan Negeri Kelantan telah menjalin kerjasama pendidikan dengan Kemboja sejak tahun 2001.

Inisiatif tersebut diilhamkan oleh al-marhum mantan Menteri Besar Tuan Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Melalui kerjasama itu, YIK dan Majlis Tertinggi Pimpinan Umat Islam Kemboja menganjurkan peperiksaan Sijil Menengah Ugama (SMU) di Kemboja, memberi peluang pendidikan lebih baik kepada umat Islam di sana.

FERTIGASI CETUS KEJAYAAN ZULQARNAIM USAHAKAN 20,000 POKOK CILI



Oleh: Asri Hamat

MACHANG, 20 Januari – Teknologi moden fertigasi terus mencipta kejayaan apabila seorang usahawan tani, Zulqarnaim Zahid, berjaya mengusahakan tanaman cili sebanyak 20,000 pokok di atas tanah seluas 3.6 ekar di Kacang Go, Kemuning, Machang.

Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail memuji projek fertigasi itu yang merupakan kerjasama antara Kerajaan Negeri Kelantan dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Kum-

pulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB).

Beliau menyifatkan kejayaan Zulqarnaim sebagai bukti keberkesanan teknologi moden dalam sektor pertanian.

"Projek fertigasi ini adalah yang pertama di kawasan ini dan alhamdulillah, ia membuktikan keupayaan rakyat Kelantan untuk mengadaptasi teknologi moden dalam pertanian.

"Kejayaan Zulqarnaim memberi inspirasi kepada lebih ramai usahawan tani untuk mencuba kaedah ini," katanya menerusi catatan di media sosial pada Jumaat.

Terdahulu, beliau bersama Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Zakhran Mat Noor, melawat tapak projek fertigasi tersebut pada Khamis.

Menurut Dato' Tuan Mohd Saripudin lagi, kaedah fertigasi memastikan penghasilan cili berkualiti tinggi dan menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi luar bandar.

"Semoga kejayaan Zulqarnaim ini menjadi model kepada petani lain di Kelantan. Insha Allah, dengan kerjasama berterusan daripada

da KPKM, lebih banyak projek seumpama ini akan dilaksanakan untuk membantu rakyat dan mengukuhkan sektor pertanian negeri," tambahnya.

Untuk rekod, kaedah fertigasi yang menggabungkan sistem baja dan air dalam pengairan, memastikan setiap pokok cili menerima nutrien secukupnya untuk pertumbuhan optimum.

Teknologi berkenaan menghasilkan tanaman yang subur, berkualiti tinggi, serta mampu meningkatkan hasil tuaian.



KERAJAAN KELANTAN SERIUS LINDUNGI WARISAN GASTRONOMI NEGERI



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 24 Januari – Kerajaan Negeri Kelantan serius memelihara, melindungi dan memartabat warisan makanan tradisional negeri sebagai identiti budaya yang bernilai tinggi.

Bagi memperkasakan usaha ke arah kelestariannya, satu mesyuarat Perbincangan Program Hak Harta Intelekt (IP) Gastronomi telah diadakan di Mabna pada Rabu melibatkan Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor bersama Timbalan Ketua Pengarah Strategik dan Teknikal MyIPO Yusnieza

Syarmilla.

Menurut Datuk Kamarudin, mesyuarat itu membincangkan langkah strategik untuk melindungi makanan ikonik negeri seperti Nasi Kerabu, Budu, dan Akok melalui pendaftaran harta intelek.

“Sebagai contoh, nama dan logo makanan ini boleh didaftarkan di bawah cap dagangan, sementara keunikan makanan yang berkait dengan lokasi asal seperti Budu dan Nasi Kerabu pula dilindungi melalui Petunjuk Geografi atau Cap Dagangan Kolektif. Pendaftaran harta intelek ini penting bagi memastikan keaslian resipi makanan tradisional ini terus terpe-



lihara.

“Langkah ini bertujuan mengukuhkan identiti budaya Kelantan di samping menambah nilai kepada sektor pelancongan. Warisan gastronomi negeri perlu diiktiraf dan dilindungi agar ia kekal lestari untuk generasi akan datang,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Selain itu, inisiatif mempromosi pelancongan tematik gastronomi turut dilaksanakan melalui penerbitan enam video dokudrama yang menyingkap falsafah dan keistimewaan resipi tradisional seperti Akok, Pindang Tapai, Ketupat Sotong Mengambang, Lompat Tikam, Puteri Mandi dan Jeruk Maman.

“Video dokudrama ini akan menjadi medium penting untuk memperkenalkan warisan makanan Kelantan kepada masyarakat tempatan dan pelancong antarabangsa kerana ia dibuat dalam tiga bahasa iaitu Melayu, Arab dan Inggeris sekali gus meningkatkan daya tarikan pelancongan luar negara,” tambahnya.

Beliau berharap usaha bersepadu itu mampu menjadi pemangkin kepada kelestarian warisan gastronomi Kelantan di peringkat nasional dan global, menjadikan negeri ini destinasi pelancongan budaya yang unik dan berdaya saing.

Turut hadir, Pengarah Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) Zaki Ismail.

Beliau berharap usaha bersepadu itu mampu menjadi pemangkin kepada kelestarian warisan gastronomi Kelantan di peringkat nasional dan global, menjadikan negeri ini destinasi pelancongan budaya yang unik dan berdaya saing.

KELULUSAN DANA SEGERA ATASI MASALAH AIR BERTAKUNG DI SAWAH JELOR



Oleh: Asri Hamat

PASIR PUTIH, 22 Januari – Masalah air bertakung yang mengancam kawasan sawah padi di Jelor, akibat sistem perparitan dan saluran yang tersumbat mendapat perhatian segera daripada Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Beliau meluluskan peruntukan segera sebanyak RM3,000 untuk kerja-kerja penyelenggaraan parit di kawasan terjejas.

“Kita telah meluluskan peruntukan segera sebanyak RM3,000

bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan parit yang tersumbat.

“Insha Allah, kita juga akan merangka tindakan susulan bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Kelantan, IADA Kemasin Semerak, serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk membina infrastruktur yang sesuai bagi menyelesaikan masalah air bertakung ini.

“Semoga usaha ini dapat memulihkan kawasan sawah padi dan meningkatkan hasil pertanian

pesawah di sini,” katanya menerusi satu catatan di media sosial miliknya, hari ini.

Menurut beliau lagi, masalah tersebut melibatkan kira-kira 50 pesawah dengan sawah seluas 400 ekar yang terjejas akibat lebih air

bertakung.

Terdahulu, YB Dato' Tuan Mohd Saripudin turut melakukan tinjauan bersama penghulu kawasan dan pesawah di Jelor untuk menilai keadaan sawah yang terjejas.





MENTERI BESAR KELANTAN PELAWA PELAJAR
KEMBOJA LANJUTKAN PELAJARAN DI KELANTAN

KERJASAMA STRATEGIK DIPERLUKAN UNTUK PERKUKUH EKOSISTEM SUKAN -YB ZAMAKHSHARI

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 22 Januari - Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad menekankan kepentingan kerjasama strategik antara pusat akademik, kerajaan, organisasi sukan, dan masyarakat dalam memperkukuh ekosistem sukan di negara ini.

Beliau yakin inovasi yang dibincangkan dalam seminar bertaraf antarabangsa mampu memberi impak besar terhadap pembangunan sukan, dari peringkat akar umbi hingga ke peringkat elit.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Antarabangsa Psikologi Sukan dan Senaman ke-12 bertemakan “Inovasi dan Kemajuan Teknologi dalam Psikologi Sukan dan Senaman Antarabangsa” di Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kubang Kerian, pada Selasa.

“Kerjasama erat antara semua pihak berkepentingan adalah asas untuk membina ekosistem sukan



yang lebih kukuh dan mampan. Melalui inovasi dan teknologi, kita boleh meningkatkan daya tahan mental atlet, memperbaiki prestasi, serta menyokong kesejahteraan fizikal dan mental mereka,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Seminar anjuran USM tersebut menghimpunkan lebih 100 peserta dari pelbagai negara, termasuk Indonesia, Thailand, Korea, Taiwan, dan China.

Ia menjadi platform penting untuk membincangkan peranan

teknologi dalam memperkasa psikologi sukan, khususnya dalam membantu atlet menghadapi cabaran mental dan fizikal di peringkat tertinggi.

Selain itu, seminar itu juga menengahkan pendekatan baharu dalam membangunkan sistem latihan sukan yang lebih inovatif, selaras dengan keperluan sukan moden.

YB Zamakhshari turut mengucapkan tahniah kepada penganjur dan semua pihak yang terlibat atas

“

Kerjasama erat antara semua pihak berkepentingan adalah asas untuk membina ekosistem sukan yang lebih kukuh dan mampan. Melalui inovasi dan teknologi, kita boleh meningkatkan daya tahan mental atlet, memperbaiki prestasi, serta menyokong kesejahteraan fizikal dan mental mereka.”

kejayaan menganjurkan seminar ini. Beliau berharap ia menjadi titik tolak kepada pembaharuan positif dalam dunia sukan dan senaman.

“Saya percaya, platform seperti ini adalah langkah proaktif dalam memastikan Malaysia terus melahirkan bakat-bakat sukan yang bukan sahaja cemerlang di arena tempatan, malah di peringkat antarabangsa,” tambahnya.

Turut hadir, Dekan Fakulti Sains Kesihatan, Kampus Kesihatan USM Prof. Dr. Wan Rosli Wan Ishak.

